

R 8002 AAB
CHOGM-APARTHEID
(I)

NASSAU (BAHAMAS), 18 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, SEKARANG ADALAH MASA YANG PALING SESUAI UNTUK MENGENAKAN SEKATAN EKONOMI YANG LEBIH KETAT KE ATAS AFRIKA SELATAN UNTUK MEMAKSANYA MENAMATKAN DASAR APARTHEID.

+KITA TERPAKSA BERTINDAK SEMASA ISU MASIH HANGAT+ SAMBIL BELIAU MENJELASKAN BAHAWA PRETORIA TIDAK PERNAH MENYEDARI TENTANG DESAKAN DAN TEKANAN DUNIA HINGGALAH SEKARANG INI.

SAMBIL MELAHIRKAN SOKONGAN MALAYSIA SUPAYA DIAMBIL TINDAKAN YANG KONKRIT TERHADAP REGIM AFRIKA SELATAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA USUL-USUL SECARA BERLEMAH LEMBUT YANG LAHIR DARIPADA PERSIDANGAN KOMONWEL INI TIDAK AKAN MEMBERI KESAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH BERCAKAP KEPADA PARA WARTAWAN MALAYSIA DI SINI YANG MEMBUAT LIPUTAN PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMONWEL.

PERBAHASAN MENGENAI AFRIKA SELATAN YANG BERMULA SEMALAM AKAN DITERUSKAN.-- BERNAMA.

0014MST 19 10 85